

## Saham Kerjaya Prospek Rendah Dalam Dagangan Awal

11/03/2025



KUALA LUMPUR, 11 Mac (Bernama) -- Harga saham Kerjaya Prospek Group Bhd susut pada sesi dagangan awal hari ini walaupun anak syarikat milik penuhnya telah memperoleh kontrak kedua tahun ini.

Setakat 10.33 pagi, kaunter itu susut sembilan sen kepada RM1.98 dengan 202,800 saham didagangkan.

Semalam, Kerjaya Prospek (M) Sdn Bhd telah dianugerahkan kontrak RM51.03 juta oleh Persada Mentari Sdn Bhd (PMSB) untuk kerja cerucuk dan kerja tanah di cadangan projek pangaspuri perkhidmatan di Bandar Tanjung Pinang, Pulau Andaman, Pulau Pinang.

Kenanga Investment Bank Bhd dalam nota penyelidikan berkata ia percaya bahawa kontrak itu adalah positif untuk kumpulan kerana membawa jumlah kontrak tahun diperoleh setakat ini kumpulan kepada RM307.4 juta berbanding andaian penambahan pekerjaan tahun kewangan 2025 sebanyak RM1.8 bilion dan sasaran pengurusan sebanyak RM1.6 bilion.

"Jumlah nilai perolehan kontrak tertunggak semasa kumpulan berjumlah RM4.05 bilion, ia akan membuatkan syarikat itu sibuk untuk melakukan pelbagai kerja bagi tiga tahun akan datang," kata bank pelaburan itu.

Secara keseluruhannya, Kenanga telah mengekalkan penarafan 'market perform' pada kumpulan itu, disokong oleh hasil dividen tinggi sehingga lima peratus berdasarkan pembayaran dividen tetapnya.

Bank pelaburan itu juga telah meletakkan harga sasaran sebanyak RM2.10 seunit untuk saham Kerjaya Prospek berikut tumpuan kumpulan itu terhadap sektor bangunan bertenagat tinggi yang kini terkesan oleh lebihan bekalan di segmen pejabat dan kediaman.

## Kerjaya Prospek's Shares Lower In Early Trade Despite Contract Win

11/03/2025



KUALA LUMPUR, March 11 (Bernama) -- Kerjaya Prospek Group Bhd's share price took a tumble in the early trading session today despite news that its wholly-owned subsidiary had secured a second contract win for the year.

As of 10.33 am, the counter declined nine sen to RM1.98 with 202,800 shares traded.

Yesterday, Kerjaya Prospek (M) Sdn Bhd was awarded a RM51.03 million contract by Persada Mentari Sdn Bhd (PMSB) for piling and earthworks at a proposed service apartment project in Bandar Tanjung Pinang, Andaman Island, Penang.

In a research note, Kenanga Investment Bank Bhd said it believes that the contract is positive for the group, as it has brought the group's year-to-date contract wins to RM307.4 million, against its financial year 2025 job replenishment assumption of RM1.8 billion and management's target of RM1.6 billion.

"The group's current total outstanding order book stands at RM4.05 billion, which will keep them busy for the next three years," the investment bank said.

Overall, Kenanga has maintained its 'market perform' rating on the group, which is supported by decent dividend yields of upwards of five per cent, based on its regular dividend payout.

The investment bank has also placed a target price of RM2.10 per unit for Kerjaya Prospek's shares, in view of the group's focus on the high-rise building sector, which is currently weighed down by oversupply in the office and residential segments.